



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

|              |   |              |            |   |   |
|--------------|---|--------------|------------|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO |            |   |   |
| TARIKH       | : | 29/6/2021    | MUKA SURAT | : | 9 |
| JABATAN      | : | KeTSA/ TNB   |            |   |   |

### 9.44j terima rebat TNB 2 sen kWJ

**Kuala Lumpur:** Seramai 9.44 juta pemilik akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menikmati rebat elektrik sebanyak dua sen kilowatt per jam (kWj) bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember depan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, kerajaan bersetuju membiayai pemberian rebat tambahan sebanyak 0.87 sen kWj memabatkan peruntukan sebanyak RM493 juta melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

“Pemberian rebat tambahan ini membolehkan semua pemilik akaun TNB menikmati purata diskaun lima peratus bagi tempoh itu.

“Selaras pelaksanaan mekanisme penetapan tarif elektrik di Semenanjung yang dilaksanakan sejak 2014, pelarasan kos penjanaan elektrik perlu dilaksanakan setiap enam bulan melalui mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT),” katanya.